

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN
[KOTA BHARU]
SOALAN :

YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN [KOTA BHARU] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah Kementerian bercadang membina hospital baru bagi menggantikan Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kota Bharu (HRPZ) yang terletak di kawasan yang berkeluasan terhad di Pusat Bandar Kota Bharu.

Tuan Yang Di-Pertua,

Pada masa ini, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melaksanakan beberapa projek bagi meningkatkan kemudahan sedia ada antaranya naik taraf Jabatan Kecemasan dan Trauma, Pembinaan Blok Rawatan Harian (ACC), serta pembinaan makmal jantung invasif, Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZ II)

Selain itu, KKM juga sedang melaksanakan beberapa projek hospital baru / gantian seperti Hospital Bachok (76 katil) dan Hospital Kuala Krai (268 katil) yang dijangkakan akan dapat mengurangkan kesesakan di HRPZ II.

KKM akan terus mengkaji keperluan untuk meningkatkan prasarana kesihatan bagi kesejahteraan rakyat Negeri Kelantan dengan meningkatkan taraf hospital sedia ada dan pembangunan hospital-hospital baru di masa hadapan.